

Objektif utama penganjuran bulan zakat siri ketiga

Oleh MOHD
ISKANDAR OTHMAN

GEORGETOWN

Menyemarakkan kesedaran berzakat kepada umat Islam sekaligus memberi manfaat dan impak besar kepada pembayar dan penerima zakat di negeri ini menjadi objektif utama penganjuran bulan zakat bagi tahun 2021.

Penganjuran masuk siri ketiga tahun ini merupakan inisiatif untuk mempromosi dan menyebarluaskan informasi kewajipan menuaikan zakat.

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Amran Hazaki berkata, 20 program telah diatur sepanjang bulan zakat antaranya yang telah berlangsung ialah kuiz, pertandingan menulis khutbah

zakat, Majlis Penandatanganan MoA Projek Makmal Sosio Akademik@Sungai Nibong antara ISDEV ZPP dengan Zakat Pulau Pinang dan banyak lagi.

“Penganjuran bulan zakat tahun ini akan diisi dengan program yang memberi impak kepada mustahiq dalam memacu kestabilan jaminan sosioekonomi asnaf melibatkan aktiviti pemerkasaan asnaf seperti majlis perasmian projek ladang nanas asnaf, kursus berasaskan nanas bagi bengkel masakan asnaf dan kursus penjualan produk penerima bantuan EKUINAS.

“Selain itu aktiviti penyerahan bantuan secara *one-off* bagi membantu memacu pendidikan di Pulau Pinang melalui majlis penyerahan derma siswa pengajian, saguhati guru agama dan guru al-Quran akan dilangsungkan,” katanya ketika berucap pada maj-

Tingkat kesedaran umat Islam dalam berzakat



lis pelancaran bulan zakat tahun 2021 di Masjid Jamek Sungai Gelugor di sini pada Khamis.

Hadir merasmikan majlis, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang.

Amran berkata, melalui program yang dijalankan, bantuan kesihatan dan kemanusiaan turut dilaksanakan menerusi majlis penyerahan sumbangan mesin ok-sigen dan geran tahanan zakat kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang dan majlis

penyerahan bantuan mangsa banjir di Yan, Kedah.

Jelasnya, penganjuran bulan zakat Pulau Pinang bukan sekadar program tahunan ZPP, malah ia merupakan program penting yang mempengaruhi prestasi jumlah kutipan dan pembayar zakat.

Ahmad Zakiyuddin (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada asnaf yang terjejas akibat Covid-19.